

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



**PANDUAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN FASILITI
PROGRAM KESIHATAN AWAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAGI LATIHAN LAPANGAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN
SWASTA**

PROGRAM KESIHATAN AWAM

EDISI PERTAMA (MEI 2010)

**Perutusan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia**



Sekalung penghargaan kepada urusetia penggunaan fasiliti untuk latihan lapangan, Program Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah berjaya menghasilkan garis panduan penggunaan fasiliti yang komprehensif untuk kegunaan semua peringkat termasuk Ibupejabat, Pejabat Kesihatan, Makmal Kesihatan, Klinik Kesihatan dan juga pihak Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Program Kesihatan Awam akur dengan keperluan latihan lapangan oleh pelatih-pelatih kesihatan untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten di masa akan datang. Walaubagaimanapun disebabkan oleh pertumbuhan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang pesat sejak kebelakangan ini, fasiliti kesihatan telah menerima ramai pelajar yang sedikit sebanyak boleh mengganggu kelancaran aktiviti penyampaian perkhidmatan terutama di Klinik Kesihatan.

Program Kesihatan Awam akan berusaha untuk menyediakan prasarana pembelajaran yang kondusif untuk latihan lapangan pelajar-pelajar samada dari Institut Pengajian Awam atau Swasta tanpa mengganggu aktiviti penyampaian perkhidmatan kesihatan yang merupakan tugas utama di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk tujuan tersebut, pihak Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Penjawat Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia terutama yang berkhidmat di Program Kesihatan Awam dan pelajar-pelajar yang akan ditempatkan di fasiliti kesihatan diharap agar dapat menggunakan dan mematuhi garis panduan ini. Ia adalah untuk memastikan satu sistem yang sistematik didalam pengurusan penggunaan fasiliti untuk tujuan latihan lapangan demi untuk kepentingan bersama dan mencapai objektif didalam penyediaan prasarana pembelajaran yang kondusif tanpa mengganggu perkhidmatan sedia ada.

Sekian, terima kasih.


Dato' Dr Hasan Bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

**PANDUAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN FASILITI
PROGRAM KESIHATAN AWAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAGI LATIHAN LAPANGAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN
SWASTA**

KANDUNGAN	MUKASURAT
1. Tujuan	4
2. Pendahuluan	4
3. Objektif	5
4. Skop	5
5. Terminologi	6
6. Rujukan	7
7. Tatacara Permohonan Dan Kelulusan Penggunaan Fasiliti Kesihatan	8
8. Peraturan Untuk IPTS/IPTA	11
9. Peranan Dan Tanggungjawab Fasiliti Kesihatan	13
10. Peraturan Yang Perlu Dipatuhi Oleh Pelatih	14
11. Tatacara Perawatan Pusat Latihan Lapangan	15
12. Carta Alir Prosedur	16
13. Borang Penilaian Fasiliti Kesihatan Untuk Tujuan Pengiktifaran Pusat Latihan	19
14. Senarai Semak Permohonan Penggunaan Fasiliti	21
15. Borang Penilaian	22
16. Contoh <i>Database</i> Penggunaan Fasiliti	28

**PANDUAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN FASILITI
PROGRAM KESIHATAN AWAM, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAGI LATIHAN LAPANGAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN
SWASTA**

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini ialah untuk dijadikan rujukan oleh Program Kesihatan Awam di peringkat Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan kelulusan permohonan penggunaan fasiliti.

Ia juga digunapakai oleh Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah serta fasiliti-fasiliti di Program Kesihatan Awam lain termasuk Klinik Kesihatan dan Makmal-Makmal Kesihatan Awam didalam pemantauan dan penyelarasan latihan lapangan oleh IPTA dan IPTS.

Garis panduan ini juga sebagai rujukan oleh IPTA dan IPTS semasa membuat permohonan latihan lapangan dan penempatan pelajar.

2. PENDAHULUAN

Sejak kebelakangan ini selaras dengan perkembangan bidang perubatan dan kesihatan, terdapat banyak IPTA dan IPTS yang menyediakan program-program mengikut keperluan bidang tersebut di peringkat Diploma, Ijazah dan Sarjana yang merangkumi Sains Permakanan, Teknologi Makanan, Diploma Kejururawatan, Ijazah Perubatan, Sarjana Perubatan Keluarga, Sarjana Perubatan Kesihatan Awam dan lain-lain.

Susulan daripada perkembangan tersebut, KKM telah menerima banyak permohonan dari IPTA dan IPTS bagi menempatkan pelajar-pelajar mereka untuk menjalani latihan lapangan sama ada di peringkat Ibu Pejabat KKM (Kesihatan Awam), Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan.

Latihan lapangan yang komprehensif dan teratur amat diperlukan bagi melahirkan tenaga kerja yang kompeten. Seajar dengan objektif tersebut , Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana pembelajaran yang kondusif bagi memenuhi keperluan latihan lapangan.

Buat masa kini, agihan pelatih di fasliti-fasiliti kesihatan adalah tidak seimbang. Tumpuan kepada fasiliti-fasiliti kesihatan yang tertentu bukan sahaja mengganggu kelancaran latihan lapangan pelatih, malah menjejaskan aktiviti-aktiviti di fasiliti berkenaan. Terdapat juga IPTA dan IPTS yang tidak menandatangani sebarang memorandum persefahaman (MoA) dan memorandum perjanjian (MoU) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Satu garis panduan yang komprehensif diperlukan sebagai panduan penggunaan kemudahan fasiliti Program Kesihatan Awam. Penyelarasan yang

